

MENENGAH 3 EXP/NA
LATIHAN TOPIKAL 5
GOLONGAN KATA

Golongan Kata	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	10		
Latihan 2	10		
Latihan 3	10		
Latihan 4	10		
Latihan 5	10		

LATIHAN 1

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berkesan	menghadapi	peranan
bilangan	menghidapi	tugas
dalam	pada	

Tinjauan oleh Kementerian Kesihatan (MOH) pada awal tahun 2019 menunjukkan lebih ramai wanita rakyat Singapura berusia 30 tahun ke atas dikesan ____ (1) ____ barah pangkal rahim tahap lanjut. Tiada peningkatan juga dilaporkan dalam ____ (2) ____ wanita rakyat Singapura yang menjalani pemeriksaan bagi penyakit itu.

Barah pangkal rahim tersenarai antara jenis barah yang paling sering dikesan dalam kalangan kaum wanita di Singapura. Satu trend yang membimbangkan dapat dilihat dalam laporan Daftar Barah Singapura antara 2011 hingga 2015.

Sementara pemeriksaan penyakit barah kekal memainkan ____ (3) ____ penting dalam mencegah penyakit tersebut, ia perlu dilakukan bersama program pemvaksinan HPV yang ____ (4) _____. ____ (5) ____ Belanjawan 2019, MOH mengumumkan pelancaran program pemvaksinan HPV percuma bagi pelajar perempuan di peringkat Menengah 1.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 2

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

adalah	lama	pengawas
baharu	ialah	pengetua
baru	inisiatif	

Seorang pemimpin amat diperlukan dalam pelbagai situasi kehidupan. Para pelajar mempunyai ____ (1) ____ sebagai ketua murid sekolah. Pihak tentera diterajui para panglima dan jeneral. Industri perfileman diarah oleh seorang pengurus, manakala penjara pula dijaga oleh seorang warden. Setiap generasi, kita pasti akan melihat kemunculan seorang pemimpin yang ____ (2) ____, tidak kira sama ada dari sekolah, medan peperangan mahupun di bilik perlembagaan. Walaupun mereka masih belum mempunyai banyak pengalaman, insan yang dipilih sebagai pemimpin berkongsi sifat dan nilai-nilai serupa, lantas menjadikan mereka layak memimpin.

Perwatakan seorang pemimpin ____ (3) ____ penting. Seorang pemimpin mesti dihormati dan dianggap sebagai teladan. Penilaian mereka harus dipercayai dan berupaya mengambil hati pengikutnya. Seorang ketua yang tidak disenangi pengikutnya pasti tidak akan dapat bertahan ____ (4) ____ dalam kepimpinan.

Seorang pemimpin mesti mempunyai kemahuan untuk memimpin. Beliau perlu sentiasa mengambil ____ (5) ____ bagi mendapatkan sokongan daripada orang di sekelilingnya kerana tiada ruang untuk sikap berbelah-bagi dalam diri seorang ketua yang baik.

Seterusnya, seorang pemimpin juga perlu bersemangat, mempunyai pemikiran yang jelas, ketekunan dan keberanian. Beliau mesti jelas mengetahui apa yang dia mahukan, mengambil tindakan sewajarnya dan yakin pada diri. Bak pepatah perbuatan lebih membawa impak berbanding percakapan, itulah nilai yang perlu disemadikan dalam diri seorang pemimpin.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 3

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

dari	menyokong	sekitar
daripada	penagihan	setempat
kalangan	pengagihan	

Sebuah program perintis pemakanan sihat selama enam bulan telah diperkenalkan oleh Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB) pada tahun 2019. Ia bertujuan menawarkan pilihan makanan yang lebih sihat kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Selain itu, ia bermatlamat ____ (1) ____ golongan tersebut untuk terus mengamalkan pemakanan yang sihat. Program tersebut dirintis ____ (2) ____ Januari hingga bulan Jun 2019 di kejuruan Kembangan-Chai Chee, dan dijangka memanfaatkan ____ (3) ____ 200 keluarga.

Dua inisiatif utama diperkenalkan menerusi program perintis itu untuk menggalak tabiat pemakanan yang lebih sihat dalam ____ (4) ____ insan yang kurang bernasib baik.

Antaranya termasuk ____ (5) ____ pek-pek makanan dan baucar untuk membeli barangan dapur yang lebih sihat. HPB berganding bahu dengan badan-badan masyarakat tempatan serta rakan-rakan pasar raya untuk menjadikan pilihan makanan yang lebih sihat lebih mudah didapati oleh keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 4

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

lantaran	rasuah	segelintir
menerima	rusuhan	seperti
menjana	sebagai	

Dewasa ini, susah untuk kita bezakan sama ada sebuah pasukan sukan profesional ialah sebuah entiti perniagaan ataupun sebuah kelab sukan, terutamanya di England. Kebanyakan kelab bola sepak di negara itu disenaraikan dalam bursa saham sama seperti syarikat-syarikat berdaftar yang lain. Kebanyakannya dimiliki oleh ahli perniagaan yang melabur dalam pasukan bola untuk meraih keuntungan.

Disebabkan itu, para pemain diatur untuk melakukan lawatan ke negara-negara jauh _____ (1) _____ China atau Timur Tengah pada luar musim perlawanan untuk memasarkan diri mereka. Sebaliknya, mereka seharusnya berehat dan membuat persiapan untuk musim seterusnya. Kadang kala, para pemain juga terpaksa bertanding dalam perlawanan-perlawanan persahabatan yang boleh membuat duit - di tengah-tengah kesibukan musim perlawanan. _____ (2) _____ itu, para pemain kurang memberikan perhatian terhadap kesihatan dan ehwal hidup masing-masing semata-mata untuk _____ (3) _____ wang untuk kelab mereka. Tidak hairanlah mengapa pemain-pemain utama terlibat dalam banyak perlawanan, dan mengalami kecederaan atau terlalu penat sehingga terpaksa memendekkan tempoh kerjaya mereka.

Banyak kegiatan _____ (4) _____ juga dilaporkan berlaku dalam arena sukan. Ada pemain dikatakan telah dibayar untuk kalah dalam perlawanan. Ekoran kekalahan tersebut, pasukan mereka dibeli oleh pihak yang telah mendalangi kekalahan yang dirancang itu. Kes seumpama itu banyak berlaku namun hanya _____ (5) _____ yang dilaporkan dalam media. Seperti biasa, penjenayah yang bijak selalunya berupaya mengelak daripada ditangkap. Kadangkala kita juga melihat pasukan yang hebat menunjukkan prestasi yang sangat teruk dalam perlawanan, seakan-akan mereka tidak mahu bertanding.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 5

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berada	meraih	selain
lantaran	penampilan	selesa
merai	penggiat	

Sukan sudah lama kehilangan nilai kesukanannya dan kini hanya sekadar perniagaan. Suatu masa dahulu, seseorang bermain sukan sebagai riadah, persaudaraan dan senaman. Namun kini, ramai yang bermain sukan untuk ____ (1) ____ pendapatan. Fenomena ini diburukkan lagi dengan kehadiran media massa. Kita sering mendengar tentang pemain sukan yang dibeli dan dijual seperti komoditi pada harga yang tidak masuk akal. Pemain sukan juga hidup dalam keadaan yang serba mewah, lebih mirip seperti seorang ____ (2) ____ hiburan berbanding seorang pemain sukan.

Secara tidak sengaja, ramai orang menyedari bahawa sukan itu satu kehidupan - kehidupan yang mewah. Kita boleh lihat ramai ahli sukan yang mengajikan pegawai perhubungan awam (PR) untuk mengurus ____ (3) ____ mereka. Tandatangan mereka sahaja boleh mendapatkan keuntungan. Untuk mendapatkan temu bual dan menerbitkan cerita mengenai kehandalan mereka juga perlu disediakan bayaran. ____ (4) ____ itu, sikap mereka juga telah berubah. Kini, kita boleh melihat pemain sukan memalukan pesaingnya di depan khalayak ramai dan bercakap besar tentang dirinya. Terang-terang, mereka telah lupa diri akibat dibutakan dengan kekayaan.

Kemungkinan besar, nilai pasaran telah membuat para pemain sukan berubah menjadi hidung tinggi. Ramai antara mereka telah menjadi ____ (5) ____ tetapi tidak berhati perut. Ada juga yang dipercayai telah mengabaikan keluarga masing-masing kerana terlalu gilakan harta. Sungguhpun demikian dalam setiap temu bual, mereka pasti akan berpura-pura tidak terdorong kepada industri itu kerana wang. Mereka akan menunjukkan seperti mereka amat berminat dalam sukan tapi kadang-kala, kita boleh melihat perkara itu bercanggah kerana mereka menolak tawaran bermain semata-mata kerana bayaran yang tidak setanding atau mencapai tahap jangkaan.

1. _____

4. _____

2. _____

5. _____

3. _____